

Anwar minta penyokong jaga kelakuan, jangan provokasi polis
Malaysian Insider
Oct 30, 2014
OLEH JAMILAH KAMARUDIN

Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim menegur penyokongnya supaya menjaga kelakuan sepanjang berhimpun di luar Istana Kehakiman, Putrajaya.

Anwar turut menasihati penyokongnya supaya tidak melakukan sebarang provokasi dengan polis dan sentiasa mengikut arahan ketua kumpulan.

"Saya dah kata (sebelum ini) masalah kita bukan dengan polis.

"Setiap kali ada masalah, runding segera dengan baik," katanya kepada para penyokong di depan perkarangan Istana Kehakiman selepas selesai prosiding kes untuk hari ini.

Ketua Umum PKR itu berkata, beliau tidak bersetuju dengan tindakan penyokongnya yang mencetuskan provokasi dan mahu mereka menggunakan kaedah rundingan.

"Jaga (kelakuan) jangan ada provokasi. Tak setuju kalau ada ketegangan.

"Kalau polis garang minta wakil runding," katanya.

Dalam kejadian pukul 2 petang tadi, berlaku perselisihan apabila penyokong Anwar dikatakan mendesak mahu masuk ke dalam kawasan khemah yang dipagar oleh Perbadanan Putrajaya.

Ia berlaku ekoran cuaca yang dilihat semakin mendung dan penyokong mula mencari tempat berteduh ketika hujan turun.

Bagaimanapun, dihalang polis menyebabkan kekecohan sehingga ada penyokong membaling telur ke arah polis.

Beberapa anggota polis dan petugas media turut menjadi mangsa balingan dua biji telur mentah itu.

Semalam, penyokong Anwar dilaporkan membakar baju-T kumpulan penyokong pengadu, Mohd Saiful Bukhari Azlan dan cuba merempuh penghadang.

Mengulas tentang prosiding mahkamah hari ini, Anwar yakin kes dapat diselesaikan dengan baik dan meminta supaya mendoakan keputusan memihak kepadanya.

"Terima kasih atas pengorbanan dan insya-Allah dapat diselesaikan dengan baik," katanya.

Prosiding bersambung esok dan mendengar hujah peguam utama Datuk Seri Gopal Sri Ram sebelum mendengar hujah balas barisan pendakwa diketuai Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah. – 29 Oktober, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-minta-penyokong-jaga-kelakuan-jangan-provokasi-polis#sthash.kCGYHaqb.dpuf>